



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH (*SUPERSCALE C*)
BAHAGIAN PERALIHAN TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH
BAHAGIAN PERALIHAN TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Economics / International Relations / Kejuruteraan / Law / Pengurusan dan Pentadbiran / Political Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
2. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus **Program Pembangunan Eksekutif** di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai, mengurus dan mentadbir unit-unit di bawah Bahagian Peralihan Tenaga:
 - i. Kecekapan dan penjimatan Tenaga (*Energy Efficiency & Conservation*); dan
 - ii. Tenaga yang Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*).



2. Merangka, mengkaji semula, memantau dan menyelaras dasar-dasar (*roadmap, order, regulations, garis pandu & directives*) untuk sektor tenaga terutama dalam bidang peralihan tenaga;
3. Mengurus dan memimpin eksplorasi kepelbagai sumber dan teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) dan teknologi baharu (*new technology*);
4. Mengurus dan memimpin pelaksanaan projek-projek dan inisiatif-inisiatif tenaga solar berkaitan dengan '*Green Energy Measure*' Negara Brunei Darussalam;
5. Membuat penyelarasan dengan pihak-pihak berkenaan bagi mana-mana perkara yang berkaitan dengan peralihan tenaga; dan
6. Menyelaras dan memberi khidmat nasihat mengenai perkara-perkara yang berkait langsung dengan penjimatan serta kecekapan penggunaan tenaga elektrik.